

NO.SIRI :

Untuk kegunaan MPAG

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang beralamat di **Daerah Alor Gajah** sahaja, yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, **Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dalam **Gred G1 Kategori CE, Pengkhususan CE21** yang masih sah dan berdaftar dengan **MPAG**. Borang sebut harga ini akan diterima di **Majlis Perbandaran Alor Gajah** sehingga **12.00 tengah hari** pada **28 OKTOBER 2025**



## MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

### DOKUMEN SEBUT HARGA

MPAG/SH/34/2025

**KERJA - KERJA MEMBINA PAGAR DI LITAR KERETA  
KAWALAN JAUH DI PANTAI TANJUNG BIDARA  
MASJID TANAH, MELAKA.**

|    |               |   |  |
|----|---------------|---|--|
| 1. | Nama Syarikat | : |  |
| 2. | No.Telefon    | : |  |
| 3. | No.Resit      | : |  |

NO. SEBUT HARGA : MPAG/SH/34/2025

TAJUK : KERJA - KERJA MEMBINA PAGAR DI LITAR KERETA KAWALAN  
JAUH DI PANTAI TANJUNG BIDARA MASJID TANAH, MELAKA.

**ISI KANDUNGAN**

| BIL | KETERANGAN                                                                                           | MUKA SURAT    |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|
| 1.  | SENARAI SEMAKAN                                                                                      |               |
| 2.  | KENYATAAN SEBUT HARGA                                                                                |               |
| 3.  | ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA (LAMPIRAN 2)                                                            | 1-6           |
| 4.  | SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA (LAMPIRAN 3)                                                               | 7-17          |
| 5.  | BORANG SEBUT HARGA KERJA (LAMPIRAN 4)                                                                | 18            |
| 6.  | SENARAI KUANTITI (LAMPIRAN 5)                                                                        | M/S 1/2 - 2/2 |
| 7.  | SURAT AKUAN PEMBIDA (LAMPIRAN 6)                                                                     | 19-20         |
| 8.  | KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DAN TIPU BIDA<br>DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN<br>(LAMPIRAN 8)           | 21            |
| 9.  | MAKLUMAT LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA<br>(LAMPIRAN 1A)                                              | 22            |
| 10. | BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL<br>(LAMPIRAN 12)                                            | 23            |
| 11. | SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI<br>JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH<br>PAKSA (LAMPIRAN 13) | 24            |

# SENARAI SEMAKAN

Sila tandakan ☐ Bagi Dokumen-dokumen yang **WAJIB** disertakan.

| Bil. | Perkara/Dokumen                                                                                                                                                                                                    | Untuk ditanda oleh Syarikat | Untuk ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga |
|------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------|-----------------------------------------------------|
| 1.   | Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM) ( <b>yang masih aktif dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh tutup sebut harga</b> ) - Salinan Borang 49 dan Borang 24 atau Borang D atau Borang E                                  | <input type="checkbox"/>    | <input type="checkbox"/>                            |
| 2.   | Salinan Sijil Pendaftaran Dari CIDB ( <b>yang masih aktif dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh tutup sebut harga</b> )                                                                                             | <input type="checkbox"/>    | <input type="checkbox"/>                            |
| 3.   | Salinan Sijil Pendaftaran Dari Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) ( <b>yang masih aktif dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh tutup sebut harga</b> )                                                                   | <input type="checkbox"/>    | <input type="checkbox"/>                            |
| 4.   | Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) ( <b>yang masih aktif dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh tutup sebut harga</b> )                                                                                   | <input type="checkbox"/>    | <input type="checkbox"/>                            |
| 5.   | Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari BPKU (Kerja) (jika berkenaan) ( <b>yang masih aktif dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh tutup sebut harga</b> )                                                         | <input type="checkbox"/>    | <input type="checkbox"/>                            |
| 6.   | Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani beserta Cop Syarikat ( <b>LAMPIRAN 4</b> )                                                               | <input type="checkbox"/>    | <input type="checkbox"/>                            |
| 7.   | Borang Senarai Kuantiti Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani beserta Cop Syarikat ( <b>LAMPIRAN 5</b> )                                                          | <input type="checkbox"/>    | <input type="checkbox"/>                            |
| 8.   | Surat Akuan Pembida ( <b>LAMPIRAN 6</b> )                                                                                                                                                                          | <input type="checkbox"/>    | <input type="checkbox"/>                            |
| 9.   | Borang Maklumat Penyebut Harga ( <b>LAMPIRAN 1A</b> )                                                                                                                                                              | <input type="checkbox"/>    | <input type="checkbox"/>                            |
| 10.  | Pematuhan kepada spesifikasi                                                                                                                                                                                       | <input type="checkbox"/>    | <input type="checkbox"/>                            |
| 11.  | Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (jika berkaitan)                                                                                                                                                              | <input type="checkbox"/>    | <input type="checkbox"/>                            |
| 12.  | Cadangan Penyelenggaraan/Penyenggaraan (jika perlu)                                                                                                                                                                | <input type="checkbox"/>    | <input type="checkbox"/>                            |
| 13.  | Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)                                                                                                                                                                       | <input type="checkbox"/>    | <input type="checkbox"/>                            |
| 14.  | Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir yang disahkan oleh pegawai bank (bagi sebut harga melebihi RM 200,000.00 Wajib disertakan) ( <b>Penyata Bulan Julai, Ogos dan September 2025</b> ) | <input type="checkbox"/>    | <input type="checkbox"/>                            |
| 15.  | Borang Pengisytiharan Pemunya Benefisial ( <b>LAMPIRAN 12</b> )                                                                                                                                                    | <input type="checkbox"/>    | <input type="checkbox"/>                            |

**SENARAI SEMAKAN**

Sila tandakan ☐ Bagi Dokumen-dokumen yang **WAJIB** disertakan.

| Bil. | Perkara/Dokumen                                                                              | Untuk ditanda oleh Syarikat | Untuk ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga |
|------|----------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------|-----------------------------------------------------|
| 16.  | Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Perdagangan Orang Dan Buruh Paksa (LAMPIRAN 13) | <input type="checkbox"/>    | <input type="checkbox"/>                            |
| 17.  | Lain-lain Sekiranya Ada:                                                                     | <input type="checkbox"/>    | <input type="checkbox"/>                            |

**PENGESAHAN OLEH SYARIKAT**

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Cop Kontraktor:

**UNTUK KEGUNAAN JABATAN**

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. ....(jika ada)

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:



## MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

### NOTIS SEBUT HARGA KERJA

Tawaran adalah dipelawa kepada **Kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Perbandaran Alor Gajah serta berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB)** dalam kod pengkhususan yang ditetapkan, masih sah tempohnya sekurang-kurangnya tiga (3) bulan daripada tarikh tutup **sebut harga** serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut :-

| KETERANGAN SEBUT HARGA                                                                                                          | GRES, KATEGORI & PENGKUSUSAN / KOD BIDANG & TARAF                                                                                                                                                                 | TARIKH / MASA TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK | TARIKH DOKUMEN DIJUAL                                                                                                      | HARGA DOKUMEN                                                            | TEMPAT, TARIKH DAN WAKTU SEBUT HARGA DITUTUP                                                                                                                                                                                                                                                       |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>MPAG/SH/34/2025</b><br>KERJA-KERJA MEMBINA PAGAR DI LITAR KERETA KAWALAN JAUH DI PANTAI TANJUNG BIDARA MASJID TANAH, MELAKA. | <u>Gred</u> : <b>G1</b><br>(Daerah Alor Gajah Sahaja)<br><br><u>Kategori</u> :<br><br><b>CE</b> (Pembinaan Kejuruteraan Awam)<br><br><u>Pengkhususan</u> :<br><br><b>CE 21</b> (Kerja-kerja Am Kejuruteraan Awam) | LAWATAN TAPAK ADALAH TIDAK DIWAJIBKAN    | <u>Tarikh Dokumen Dijual</u> :<br><br><b>22 OKTOBER 2025 (RABU)</b><br><br>Sehingga<br><br><b>28 OKTOBER 2025 (SELASA)</b> | <u>Harga Dokumen</u> :<br><br><b>RM 50.00</b><br>Tidak akan dikembalikan | <u>Tempat</u> :<br><br>Peti Tawaran, Unit Perolehan, <b>Tingkat 1</b> , Majlis Perbandaran Alor Gajah, Lebuhr AMJ, Alor Gajah, Melaka.<br><br><u>Tarikh Sebut Harga Ditutup</u> :<br><br><b>28 OKTOBER 2025 (SELASA)</b><br><br><u>Waktu Sebut Harga Ditutup</u> :<br><br><b>12.00 tengah hari</b> |

1. Dokumen sebut harga **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <http://stom.melaka.gov.my>. Sebut harga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya syarikat membuat salinan pendua daripada dokumen sebut harga yang asal

#### 1. MENDAFTAR DI STOM



<https://stom.melaka.gov.my>

#### 2. CIPTA AKAUN DI PORTAL E-BAYAR



<https://ebayar.melaka.gov.my>

#### 3. BACA DAN FAHAMI MANUAL SISTEM STOM



<https://stom.melaka.gov.my/docs>

2. Pihak Kontraktor / Pembekal / Syarikat perlu melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian sebut harga secara atas talian dengan harga RM50.00.

3. Untuk makluman, syarikat yang ingin membeli dokumen sebut harga dan belum pernah berdaftar dikehendaki berdaftar terlebih dahulu sebagai Kontraktor dengan MPAG dengan yuran pendaftaran sebanyak **RM150.00** bagi kategori kerja dengan mengemukakan **Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)**, **Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB**, **Penyata Kewangan Syarikat** dan **Profil Syarikat**.
4. Bagi syarikat yang **telah berdaftar sebagai Kontraktor dengan MPAG**, perlulah memastikan pendaftaran syarikat kekal aktif dan telah diperbaharui sebelum membeli dokumen sebut harga. Kadar **yuran pembaharuan pendaftaran** adalah sebanyak **RM30.00 setahun**.
5. Bagi sebarang urusan **pendaftaran** atau **pembaharuan pendaftaran syarikat dengan MPAG**, hendaklah dilakukan secara atas talian melalui **Sistem eSyarikat** yang boleh dicapai melalui alamat <http://portal.mpag.gov.my/esyarikat>.
6. Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat sebut harga yang diwajibkan, hanya Kontraktor yang telah berdaftar di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** sahaja dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan.
7. Majlis tidak terikat untuk menerima sebut harga dengan harga terendah atau mana-mana harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Lembaga Perolehan adalah muktamad.

**YANG DIPERTUA,  
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH  
LEBUH AMJ, 78000 ALOR GAJAH, MELAKA**

Tarikh : 17 OKTOBER 2025

## ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

### 1.0 HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut Harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

### 2.0 CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

#### 2.1 Penyediaan Sebut Harga

Penyebut Harga adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:

- 2.1.1 Harga dan tandatangan Penyebut Harga di Ringkasan Sebut Harga,
- 2.1.2 Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,
- 2.1.3 Senarai Kerja Dalam Tangan,
- 2.1.4 Senarai Pengalaman Kerja,
- 2.1.5 Jadual Kadar Harga (jika ada),
- 2.1.6 Butir-butir Spesifikasi (jika ada),
- 2.1.7 Surat Akuan Pembida,
- ~~2.1.8 Maklumat kemampuan kewangan dalam bentuk Penyata Akaun Bank yang disahkan oleh Pengurus Cawangan Bank berkenaan untuk 3 bulan yang terakhir, Deposit Tetap, baki nilai Kemudahan Kredit dan nilai Kemudahan Kredit yang layak/akan diperolehi oleh Penyebut Harga daripada Institusi Kewangan.~~
- 2.1.9 Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Penyebut Harga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

- 2.1.10 Kegagalan mengisi/menandatangani Borang Sebut Harga akan mengakibatkan Sebut Harga ditolak.
- 2.1.11 Sekiranya terdapat percanggahan di antara maklumat yang dinyatakan dalam Ringkasan Sebut Harga dan Borang Sebut Harga, maklumat di dalam Borang Sebut Harga diberi keutamaan.

## 2.2 Integriti Dalam Perolehan Kerajaan

- 2.2.1 Penyebut Harga wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida seperti di **Lampiran 6** di mana ia berwaad untuk tidak menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tawaran ini. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat.
- 2.2.2 Surat Akuan Pembida tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian Sebut Harga. Sekiranya Penyebut Harga gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut, Penyebut Harga akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian Sebut Harga.
- 2.2.3 Penyebut Harga yang berjaya wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti di **Lampiran 7** beserta dengan Borang Perjanjian Inden Kerja yang telah ditandatangani di mana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Kontrak.

### 2.3 Peringatan Mengenai Pakatan Harga

Sekiranya didapati penyebut harga terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan maka tindakan penarikan balik tawaran kontrak, penamatan kontrak dan lain-lain tindakan undang - undang / tatatertib boleh diambil mengikut undang - undang / peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

### 2.4 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

2.4.1 Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebut Harga serta tajuk Sebut Harga. Dokumen tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.

2.4.2 Sebut Harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, atas sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

### 2.5 Pertanyaan

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Penyebut Harga boleh menghubungi pejabat yang menjual Dokumen Sebut Harga untuk penjelasan lanjut.

**Nama PTJ : Unit perolehan**

**Alamat PTJ : Majlis Perbandaran Alor Gajah**

**No. Telefon : 06-333 3333 (ext:1214 / 1261)**

### 3.0 TEMPOH SIAP KERJA

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi **8 MINGGU**. Mana-mana penyebut harga yang menawarkan tempoh siap kerja melebihi tempoh siap kerja maksimum yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

### 4.0 PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan Sebut Harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga sendiri.

## 5.0 TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

## 6.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

Semua Penyebut Harga adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu, para Penyebut Harga diberi peringatan berikut:

- 6.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 6.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 6.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenarai hitamkan Kontraktor boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 6.4 Mana-mana Kontraktor yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

## 7.0 PERINTAH GAJI MINIMUM 2024

Penyebut harga hendaklah memastikan bahawa harga tawaran yang dikemukakan telah mengambil kira peruntukan Perintah Gaji Minimum (PGM) 2024 yang telah diwartakan pada 04 Disember 2024 melalui Warta P.U. (A) 376 yang telah berkuatkuasa pada 01 Februari 2025. Tiada pelarasan kadar harga boleh dilakukan disebabkan kegagalan penyebut harga mematuhi peraturan ini.

## 8.0 DASAR KENAAN SST

- 8.1 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (ACP 2018) telah dikuatkuasa mulai 1 September 2018. Oleh yang demikian, SST yang dikenakan akan dibayar kepada Petender / Penyebut Harga berdaftar SST.
- 8.2 Bagi tujuan sebut harga ini, penyebut harga hendaklah menawarkan harga tawaran yang tidak ditambah nilai kenaan SST. Walau bagaimanapun, Penyebut harga sama ada berdaftar SST ataupun tidak, masih bertanggungjawab untuk mengambil kira dalam harga tawaran apa-apa kos berkaitan dengan kenaan SST yang perlu dibayar oleh penyebut harga kepada pihak-pihak yang membekalkan khidmat kepadanya.
- 8.3 Sekiranya penyebut harga berdaftar SST, Surat Setuju Terima / Inden Kerja berdasarkan harga tawaran dengan tambahan nilai kenaan SST akan dikeluarkan kepada penyebut harga yang berjaya.
- 8.4 Sekiranya penyebut harga tidak berdaftar SST, tiada tambahan nilai kenaan SST akan dimasukkan.
- 8.5 Sekiranya penyebut harga berdaftar SST semasa kerja sedang berjalan, kontraktor hendaklah memaklumkan status pendaftaran dan memohon pelarasan bagi tambahan kenaan SST dan menuntut sebarang kenaan SST dengan syarat kerja semasa masih berkuatkuasa bagi baki perolehan yang belum disempurnakan.

**9.0 HARGA INDIKATIF JABATAN**

- 9.1 Harga Indikatif Jabatan bagi Sebut Harga ini adalah Ringgit Malaysia: LIMA PULUH SEMBILAN RIBU TUJUH RATUS LIMA PULUH LIMA (RM59,755.00) SAHAJA.**
- 9.2 Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
- 9.3 Pihak Kerajaan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

**SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA****1.0 PEMERIKSAAN TAPAK BINA**

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan Sebut Harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

**2.0 RINGKASAN SEBUT HARGA**

- 2.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 2.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, levi, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.
- 2.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah Sebut Harga atau dalam tempoh Kerja.
- 2.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga (jika perlu) hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.

- 2.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 2.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 2.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

### **3.0 BON PELAKSANAAN, PERKESO DAN POLISI INSURANS**

- 3.1 Kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada nilai Sebut Harga dalam bentuk Jaminan Bank, Jaminan Syarikat Kewangan, Jaminan Insurans atau Jaminan Takaful. Sekiranya Kontraktor tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank atau Insurans, kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) hendaklah diguna pakai seperti mana ditetapkan dalam peraturan mengenai tatacara pengurusan tender yang berkuat kuasa.
- 3.2 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil insurans seperti berikut :
- a) Insurans Pampasan Pekerja (Workmen Compensation) dan / atau Nombor Pendaftaran dengan PERKESO bagi ke semua pekerjaanya.
  - b) Insurans Liabiliti Awam dengan nilai minimum RM100,000.00 bagi setiap kemalangan bagi tempoh pelaksanaan Kerja termasuk tempoh kecacatan dan ditambah tiga (3) bulan dan empat belas (14) hari dan Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebut Harga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini.

- 3.3 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua Polisi Insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi.
- 3.4 Merujuk kepada surat pemakluman keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) P.15 Bil.6/2023 bertarikh 22 Mac 2023, petender yang Berjaya hendaklah mengemukakan keperluan insuran seperti yang dinyatakan di dalam kontrak Perbadanan Melaka Holdings Sdn Bhd (PMH) yang beralamatkan seperti berikut:

**PERBADANAN MELAKA HOLDINGS SDN BHD**

10-5, Aras 5, Kota Cemerlang,  
Ayer Keroh, 75450 Melaka.

Telefon: 016-742 4941 (Muhammad Noorazhar bin Hishamuddin)

Faks: 06-232 1209

**4.0 PERATURAN PELAKSANAAN KERJA**

- 4.1 Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang yang berkuat kuasa. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat berkenaan;
- 4.2 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, Pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini serta arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.
- 4.3 Kerja-kerja mekanikal dan elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 4.2 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:

4.3.1 Suruhanjaya Tenaga

4.3.2 Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)

- 4.3.3 Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
- 4.3.4 Jabatan Bomba dan Penyelamat
- 4.3.5 Pihak Berkuasa Tempatan
- 4.3.6 Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN)

## 5.0 PEMATUHAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

5.1 Kontraktor yang berjaya dipilih hendaklah melakukan kerja-kerja dengan mengamalkan sistem kerja selamat dan sihat secara:

- 5.1.1 Mematuhi semua keperluan undang-undang yang berkaitan seperti mana yang terdapat dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994
- 5.1.2 Mematuhi semua keperluan undang-undang yang berkaitan seperti mana yang terdapat dalam Akta Kilang dan Jentera 1967
- 5.1.3 Mematuhi semua keperluan undang-undang yang berkaitan seperti mana yang terdapat dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969

## 6.0 KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari daripada tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

## 7.0 SUB-SEWA DAN MENYERAH HAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahkan apa-apa faedah di bawah Inden Kerja ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

## **8.0 PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEEN**

- 8.1 Pegawai Inden atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.
- 8.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 8.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam Spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

## **9.0 PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

- 9.1 Borang Perjanjian Inden Kerja, Surat Akuan Pembida Berjaya yang ditandatangani oleh Kontraktor dan Dokumen Sebut Harga hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Kontrak ini.
- 9.2 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan dan maksud itu boleh difahamkan dengan munasabahnyanya dari dokumen Sebut Harga itu.

- 9.3 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga, Kontraktor hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

#### 10.0 KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR

- 10.1 Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden:

- 10.1.1 Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- 10.1.2 Kemajuan Kerja terlalu lambat tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- 10.1.3 Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- 10.1.4 Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah
- 10.1.5 Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

#### 11.0 PENETAPAN GANTI RUGI TERTENTU (LAD)

- 11.1 Sebarang kegagalan memenuhi obligasi kontrak seperti yang dinyatakan, Syarikat yang dilantik akan dikenakan denda mengikut peruntukan dalam kontrak. Kadar denda yang akan ditetapkan adalah seperti berikut:

i) Harga Kontrak x BLR sehari  
365

ii) RM 100/hari

} Yang mana lebih tinggi

- 11.2 Majlis akan mengeluarkan notis bertulis kepada syarikat bagi sebarang perbuatan salah laku mengikut syarat – syarat dan spesifikasi kontraktor untuk dikenakan kadar denda yang sewajarnya. Syarikat adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran denda yang dituntut dalam tempoh yang ditetapkan.

- A. Kelewatan Melaksanakan Kerja
- B. Kegagalan Melaksanakan Kerja
- C. Kegagalan Memberikan Kerja Berkualiti
- D. Kegagalan Menepati Spesifikasi Kerja.

- 11.3 Jika Syarikat gagal membayar denda yang dikenakan, maka tuntutan akan dibuat daripada bayaran yang berhak diterima oleh Syarikat. Jika masih tidak dapat dijelaskan bayaran, maka tuntutan akan dibuat daripada Bon Pelaksanaan. Seterusnya, diambil tindakan mengikut pentadbiran kontrak.

## **12.0 BAYARAN KEMAJUAN**

Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

## **13.0 KERJA PERUBAHAN DAN PERLANJUTAN MASA UNTUK KONTRAK KERJA**

- 13.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan Sebut Harga ini.

- 13.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

- 13.3 Perubahan kerja dibenarkan sekiranya perlu tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a) Peruntukan yang mencukupi

- b) Kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga diperolehi terlebih dahulu sebelum perubahan kerja dilaksanakan. Seorang daripada ahli Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah terdiri daripada Pegawai Teknikal;
- c) Jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 20% daripada nilai kontrak atau tidak melebihi RM100,000.00 mengikut mana yang terendah. Cadangan perubahan kerja terkumpul melebihi 20% daripada nilai kontrak atau RM100,000.00 hendaklah dirujuk untuk kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu.
- d) Pelanjutan masa bagi kontrak kerja bernilai melebihi RM200,000 hingga RM500,000 dibenarkan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga terlebih dahulu.

#### **14.0 PENGUKURAN KUANTITI SEMENTARA**

Setelah kerja-kerja yang melibatkan Kuantiti Sementara disiapkan di tapak, pengukuran semula kuantiti hendaklah dibuat secara bersama.

#### **15.0 PERAKUAN SIAP KERJA**

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan sejajar dengan syarat-syarat dalam Dokumen Sebut Harga. Tempoh Tanggungan Kecacatan bermula daripada tarikh siap kerja.

#### **16.0 TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN**

- 16.1 Bagi kontrak kerja yang bernilai sehingga RM500 ribu, Tempoh Tanggungan Kecacatan hendaklah selama enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, Tempoh Tanggungan Kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik, tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan;

- 16.2 ~~Bagi kontrak kerja yang bernilai melebihi RM500 ribu Tempoh Tanggungan Kecacatan hendaklah sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, Tempoh Tanggungan Kecacatan yang lebih lama daripada dua belas (12) bulan boleh dikenakan. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan;~~
- 16.3 ~~Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi kontrak kerja antarabangsa adalah sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Dalam kes-kes tertentu Kementerian/Jabatan boleh memanjangkan Tempoh Tanggungan Kecacatan sesuai dengan jenis dan kerumitan kerja tersebut;~~
- 16.4 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi kerja yang dilaksanakan oleh subkontraktor dinamakan adalah mengikut yang ditetapkan dalam kontrak utama.
- 16.5 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati Sebut Harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.
- 16.6 Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja

elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

#### **17.0 PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP**

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang-borang Inden Kerja Asal iaitu Borang Perjanjian Inden Kerja JKR 58 dan Borang Pengesahan Penyiapan Inden Kerja JKR 58A kepada Pegawai Inden.

#### **18.0 PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN**

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecedatan sebaik sahaja Kontraktor telah membaiki kecedatan, ketidaksempurnaan, kecedatan atau apa-apa jua kerosakan lain.

#### **19.0 PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR**

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan Syarat-syarat ini.

#### **20.0 PENAMATAN KONTRAK ATAS KESALAHAN RASUAH, KEGIATAN-KEGIATAN TIDAKSAH ATAU AKTIVITI MENYALAH UNDANG-UNDANG**

20.1 Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain Kerajaan, sekiranya kontraktor, kakitangan pengkhidmat atau pekerja disabitkan oleh Mahkamah terlibat dengan rasuah, aktiviti tidak sah atau apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang yang berkaitan dengan perjanjian ini atau apa-apa perjanjian-perjanjian lain yang dimasuki oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan perjanjian ini pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis bertulis dengan serta merta kepada kontraktor untuk menyatakan sedemikian kepada kontraktor.

20.2 Setelah penamatan tersebut, Kerajaan berhak terhadap semua kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan yang timbul daripada penamatan tersebut.

20.3 Bagi mengelakkan keraguan, kedua-dua pihak Kerajaan dan Kontraktor bersetuju bahawa Kontraktor tidak layak terhadap sebarang bentuk kerugian termasuk kehilangan keuntungan, ganti rugi, tuntutan atau apa sekalipun setelah penamatan Kontrak ini.

## 21.0 PENGAKUAN

Saya/Kami bersetuju dan patuh kepada syarat-syarat yang dikenakan seperti di atas.

T/Tangan: .....

(Kontraktor)

T/Tangan: .....

(Saksi)

Nama: .....

Nama: .....

No. K.P.: .....

No. K.P.: .....

Tarikh: .....

Tarikh: .....



T.T. PEMBUKA SEBUT HARGA



T.T. PEMBUKA SEBUT HARGA

**BORANG SEBUT HARGA KERJA****NO SEBUT HARGA : MPAG/SH/34/2025**

Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Alor Gajah

Tuan,

Sebut Harga untuk **KERJA - KERJA MEMBINA PAGAR DI LITAR KERETA KAWALAN JAUH  
DI PANTAI TANJUNG BIDARA MASJID TANAH, MELAKA.**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga, Syarat-syarat Sebut Harga untuk Kerja dan Spesifikasi Kerja, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan Kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia :

.....  
.....

(RM.....)

2. Saya bersetuju menyiapkan Kerja ini dalam masa **8 minggu** dari tarikh mula kerja seperti yang ditetapkan di bawah perenggan 2 Borang Perjanjian Inden Kerja.

Bertarikh pada .....haribulan.....20.....

.....  
(Tandatangan Kontraktor)

.....  
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh:.....

Nama Penuh: .....

No. K/P: .....

No.K/P: .....

Alamat: .....

Alamat: .....

.....  
Atas sifat : .....

.....  
Cop Kontraktor

**RINGKASAN SEBUT HARGA**

- Catatan: 1) *Penyebut harga adalah dinasihatkan supaya melawat dan meninjau tapak bina sebelum memasuki tawaran sebut harga. Sebarang butiran yang tidak diperhargakan adalah dianggap telah dimasukkan ke dalam butiran lain dan haruslah dilaksanakan.*
- 2) *Harga adalah termasuk kerja-kerja kawalan lalu lintas semasa pembinaan dijalankan.*
- 3) *Sebarang item yang tidak dinyatakan dalam Jadual Kadar Harga ini tetapi dikehendaki dalam spesifikasi dan skop kerja, hendaklah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Jadual Kadar Harga.*
- 4) *Penyebut harga haruslah menghargakan sesuatu sebut harga sepenuhnya mengikut lukisan terperinci atau lampiran yang disediakan dengan merujuk kepada spesifikasi/huraian kerja dalam Jadual Kadar Harga.*
- 5) **All Provisional Quantity**

**KERJA - KERJA MEMBINA PAGAR DI LITAR KERETA KAWALAN JAUH DI PANTAI TANJUNG BIDARA MASJID TANAH, MELAKA.**

| BIL        | PERKARA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | UNIT | KUANTITI | KADAR (RM) | JUMLAH (RM) |
|------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------|----------|------------|-------------|
| <b>1.0</b> | <b><u>KERJA AWALAN</u></b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |      |          |            |             |
| 1.1        | Insuran Kerja<br><i>i) Contractor All Risk<br/>ii) Workmen compensation</i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | L/S  |          |            |             |
| 1.2        | Pembersihan selepas pembinaan dan laporan bergambar (sebelum, semasa dan selepas)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | L/S  |          |            |             |
| 1.3        | Papan Tanda Projek MPAG                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | L/S  |          |            |             |
| <b>2.0</b> | <b><u>KERJA- KERJA MEMBINA PAGAR</u></b><br><small>(kuantiti adalah sementara sehingga pengukuran dibuat semula selepas siap pembinaan)</small>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |      |          |            |             |
| 2.1        | Kerja - kerja penyediaan tapak termasuk kerja - kerja membersihkan semak samun dan lain - lain kerja berkaitan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | L/S  |          |            |             |
| 2.2        | Kerja - kerja membekal dan memasang pagar menggunakan pagar BRC <i>Fence Hot Dip Galvanised Wire</i> 5.0mm diameter, 150mm lebar lubang, 50mm panjang lubang, termasuk membekal dan memasang tiang bulat 60mm diameter <i>Hot Dip Galvanised</i> 1.6mm diameter dengan ketinggian 2.0meter, 500mm ditanam di dalam tanah beserta konkrit 300mm x 300mm x 500mm dengan jarak 2400mm antara tiang termasuk U-clip, cap, bolt & nut dan lain - lain kerja berkaitan. Ketinggian pagar 1500mm.                                                                                                                                                                                                 | M    | 193      |            |             |
| 2.3        | Kerja - kerja membekal dan memasang Pintu Pagar jenis 'Sliding' berukuran 9600mm x 1500mm tinggi menggunakan pagar BRC <i>Fence Hot Dip Galvanised Wire</i> 5.0mm diameter, 150mm lebar lubang, 50mm panjang lubang, termasuk membekal dan memasang tiang bulat 100mm diameter <i>Hot Dip Galvanised</i> 1.6mm diameter dengan ketinggian 2.0meter, 500mm ditanam di dalam tanah beserta konkrit 300mm x 300mm x 500mm termasuk membekal dan memasang kerangka pagar menggunakan 100mm x 50mm x 3mm <i>hot dip galvanised</i> termasuk besi penyokong belakang pintu, kerja - kerja menyediakan rail, roda kerja menyediakan <i>lockset</i> dan engsel dan lain - lain kerja berkaitan.    | Nos  | 1        |            |             |
| 2.4        | Kerja - kerja membekal dan memasang Pintu Pagar jenis 'Sliding' berukuran 8500mm x 1500mm tinggi menggunakan pagar BRC <i>Fence Hot Dip Galvanised Wire</i> 5.0mm diameter, 150mm lebar lubang, 50mm panjang lubang, termasuk membekal dan memasang tiang bulat 100mm diameter <i>Hot Dip Galvanised</i> 1.6mm diameter dengan ketinggian 2.0 meter, 500mm ditanam di dalam tanah beserta konkrit 300mm x 300mm x 500mm termasuk membekal dan memasang kerangka pagar menggunakan 100mm x 50mm x 3mm <i>hot dip galvanised</i> , termasuk besi penyokong belakang pintu, kerja - kerja menyediakan rail, roda kerja menyediakan <i>lockset</i> dan engsel dan lain - lain kerja berkaitan. | Nos  | 1        |            |             |
| 2.5        | Kerja - kerja membekal dan memasang Pintu Pagar jenis 'Double swing gate' berukuran 2500mm x 1500mm tinggi menggunakan pagar BRC <i>Fence Hot Dip Galvanised Wire</i> 5.0mm diameter, 150mm lebar lubang, 50mm panjang lubang, termasuk membekal dan memasang tiang bulat 60mm diameter <i>Hot Dip Galvanised</i> 1.6mm diameter dengan ketinggian 2.0meter, 500mm ditanam di dalam tanah beserta konkrit 300mm x 300mm x 500mm termasuk membekal dan memasang kerangka pagar menggunakan 75mm x 50mm x 3mm <i>hot dip galvanised</i> , kerja menyediakan <i>lockset</i> , <i>hinges</i> & engsel dan lain - lain kerja berkaitan.                                                         | Nos  | 1        |            |             |
|            |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |      |          |            |             |

**RINGKASAN SEBUT HARGA**

- Catatan: 1) *Penyebut harga adalah dinasihatkan supaya melawat dan meninjau tapak bina sebelum memasuki tawaran sebut harga. Sebarang butiran yang tidak diperhargakan adalah dianggap telah dimasukkan ke dalam butiran lain dan haruslah dilaksanakan.*
- 2) *Harga adalah termasuk kerja-kerja kawalan lalulintas semasa pembinaan dijalankan.*
- 3) *Sebarang item yang tidak dinyatakan dalam Jadual Kadar Harga ini tetapi dikehendaki dalam spesifikasi dan skop kerja, hendaklah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Jadual Kadar Harga.*
- 4) *Penyebut harga haruslah menghargakan sesuatu sebut harga sepenuhnya mengikut lukisan terperinci atau lampiran yang disediakan dengan merujuk kepada spesifikasi/huraian kerja dalam Jadual Kadar Harga.*
- 5) ***All Provisional Quantity***

**KERJA - KERJA MEMBINA PAGAR DI LITAR KERETA KAWALAN JAUH DI PANTAI TANJUNG BIDARA MASJID TANAH, MELAKA.**

| BIL | PERKARA                                               | UNIT | KUANTITI | KADAR<br>(RM) | JUMLAH<br>(RM) |
|-----|-------------------------------------------------------|------|----------|---------------|----------------|
|     | <b><u>HIMPUNAN HARGA</u></b><br><br>Jumlah dari M/S 1 |      |          |               |                |
|     | <b>JUMLAH KESELURUHAN SEBUT HARGA (RM)</b>            |      |          |               |                |

Tempoh Siap Kerja Maksimum : **8 MINGGU**. KEGAGALAN PIHAK TUAN MEMATUHI TEMPOH MASA YANG DITETAPKAN BOLEH MENJEJASKAN PELUANG KERJA PADA MASA AKAN DATANG.

.....  
Tandatangan

.....  
Cop Alamat Syarikat

Nama :

No. K.P :

## SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

**MPAG/SH/34/2025 - KERJA - KERJA MEMBINA PAGAR DI LITAR KERETA KAWALAN  
JAUH DI PANTAI TANJUNG BIDARA MASJID TANAH, MELAKA.**

Saya, ..... No. Kad Pengenalan .....  
yang mewakili ..... nombor  
Pendaftaran ..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana  
orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada manamana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa tindakan berikut akan diambil :

- 3.1 Didakwa bagi kesalahan\*\* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i); atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat\*\*\* memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan pemiagaan atau faedah dalam menjalankan pemiagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : .....  
 Nama : .....  
 No. KP : .....  
 Tarikh : .....  
 Cop Syarikat : .....

Catatan:

- (i) \*\*termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
- (ii) \*\*\*seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

**KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DAN TIPUAN BIDA DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN**

**Versi Bahasa Kebangsaan**

**"PENAMATAN DISEBABKAN OLEH RASUAH, TIPUAN BIDA, AKTIVITI HARAM ATAU AKTIVITI YANG MENYALAHUI UNDANG-UNDANG ATAU TIPUAN BIDA**

- a) Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain Kerajaan, sekiranya [Syarikat/Kontraktor], kakitangan, pengkhidmat atau pekerja disabitkan oleh Mahkamah atas kesalahan rasuah atau aktiviti haram atau aktiviti yang menyalahi undang-undang atau didapati melakukan pelanggaran larangan tipuan bida di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] yang berkaitan dengan Perjanjian ini atau apa-apa perjanjian lain yang dimasuki oleh [Syarikat/Kontraktor] dengan Kerajaan, Kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa, dengan memberi notis bertulis dengan serta merta kepada [Syarikat/Kontraktor] untuk menyatakan sedemikian kepada [Syarikat/Kontraktor].
- b) Kerajaan berhak menuntut daripada [Syarikat/Kontraktor] apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan yang ditanggung oleh Kerajaan akibat daripada penamatan itu.
- c) Pihak-Pihak bersetuju bahawa [Syarikat/Kontraktor] tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu".

**MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA**

Segala butir dilampirkan ini hendaklah diisi oleh penyebut harga dengan betul dan lengkap dan dikembalikan bersama-sama dengan sebut harga. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan sebut harga ini ditolak atau / dan tidak dipertimbangkan.

**LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA**

1. Nama Syarikat : .....
2. Alamat Syarikat : .....  
.....
3. No. Pendaftaran Syarikat : .....
4. No. Telefon/No. Fax : .....
5. Ahli ahli syarikat

| BIL | Nama | Jawatan | Saham |
|-----|------|---------|-------|
| 1   |      |         |       |
| 2   |      |         |       |
| 3   |      |         |       |
| 4   |      |         |       |
| 5   |      |         |       |

6. Maklumat Rekod Kerja Kontraktor (3 Tahun Berakhir)

| BIL | Perihal kerja/projek yang telah/sedang dilaksanakan | Nilai Kerja dan Nilai Sebenar (RM) | Tarikh Mula | Tarikh Siap | Tarikh Siap Sebenar |
|-----|-----------------------------------------------------|------------------------------------|-------------|-------------|---------------------|
| 1   |                                                     |                                    |             |             |                     |
| 2   |                                                     |                                    |             |             |                     |
| 3   |                                                     |                                    |             |             |                     |
| 4   |                                                     |                                    |             |             |                     |
| 5   |                                                     |                                    |             |             |                     |

\*-Sila sertakan Salinan Surat Setujuterima / Inden Kerja bagi menyokong maklumat ini

## BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL

- ☐ Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan telah menyerahkan simpan maklumat pemunyaan benefisial di SSM
- ☐ Berdaftar dengan SSM dan tidak perlu menyerahkan simpan maklumat pemunya benefisial di SSM (Syarikat Enterprise) (Perlu menghantar borang tanpa diisi)
- ☐ Tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (Perlu menghantar borang tanpa diisi)

\*Tandakan ☒

**Nama Syarikat :**

**Butiran Pemunya Benefisial :**

| Nama Individu | No. Kad Pengenalan /<br>No. Pasport | Jawatan dalam syarikat<br>(sekiranya ada) | Kewarganegaraan |
|---------------|-------------------------------------|-------------------------------------------|-----------------|
|               |                                     |                                           |                 |
|               |                                     |                                           |                 |
|               |                                     |                                           |                 |

Saya..... nombor kad pengenalan .....  
yang mewakili syarikat .....nombor pendaftaran.....  
(MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa senarai pemunya benefisial syarikat seperti mana diisytiharkan dalam borang ini adalah sama dengan maklumat yang diberikan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) [Berdasarkan Akta Syarikat (pindaan) 2024 [Akta A1701] dan garis panduan yang disediakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)].

Yang Benar,

.....

Nama :

No. Kad Pengenalan:

Cap Syarikat :

Catatan:

\*Potong mana yang tidak berkenaan

**SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN  
ORANG DAN BURUH PAKSA**

**Bagi**

**MPAG/SH/34/2025 – KERJA - KERJA MEMBINA PAGAR DI LITAR KERETA KAWALAN  
JAUH DI PANTAI TANJUNG BIDARA MASJID TANAH, MELAKA.**

Saya, ..... No. Kad Pengenalan .....  
yang mewakili .....  
nombor Pendaftaran ..... dengan ini mengisytiharkan bahawa  
saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. Mendidik pekerja dan ahli organisasi mengenai cara mengenal pasti dan melaporkan tanda-tanda pemerdagangan orang dan buruh paksa;
- ii. Meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedi; dan
- iii. Memastikan pematuhan kepada undang-undang mengenai jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa selaras dengan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta manamana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

Yang benar,

Tandatangan : .....

Nama : .....

No. KP : .....

Tarikh : .....

Cop Syarikat : .....